



Anwar mempengerusikan Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-20 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Atasi isu Laut China Selatan dalam kerangka ASEAN

Anwar tegaskan sesuatu dipaksa atau ditentukan kuasa luar akan jadi lebih rumit

Oleh Adha Ghazali Zanariah
Abd Mutalib, Mohd
Nasaruddin Parzi, Alzahrin

Alias, Farah Marshita Abdul
Patah dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebarang isu berkaitan pertikaian Laut China Selatan mesti diselesaikan dalam ASEAN bersama rakan kongsi di rantau ini, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, sebaik saja ia dilihat sebagai sesuatu yang dipaksa atau ditentukan kuasa luar, isu berkenaan akan menjadi lebih bermasalah dan rumit untuk ditangani.

Beliau berkata, setakat ini, situasi masih terkawal dan ASEAN mengalu-alukan persetujuan semua pihak ke arah memuktamadkan Kod Tatakelaku (COC) di Laut China Selatan.

"Kami masih dengan kuat menegaskan semua pihak yang terbabit dalam rundingan ini mesti berasaskan kepada prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf sejagat, khususnya klausa 1982 (Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut (UNCLOS) 1982) dan COC berkenaan," katanya.



Anwar selaku Pengerusi ASEAN berkata demikian ketika berucap pada Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-20 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini, semalam.

Menyentuh situasi di Korea Utara, Perdana Menteri menyifatkan peningkatan pelancaran peluru berpandu oleh negara itu baru-baru ini sebagai sesuatu yang membimbangkan, namun Malaysia percaya beberapa libat urus bagi menangani isu itu mesti diteruskan.

"Sebaik saja kita menggesa libat urus dalam semua bidang, dari Gaza ke Ukraine hingga ke Myanmar, kita tidak seharusnya mengecualikan libat urus dengan Korea Utara," katanya.

Konsensus Lima Perkara

Menyentuh isu Myanmar, Anwar mengulangi komitmen ASEAN terhadap Konsensus Lima Perkara dan Malaysia secara aktif telah berhubung dengan semua pihak bagi memupuk keamanan serta menghulurkan bantuan kemanusiaan.

"Kami masih komited untuk menegakkan Konsensus Lima Perkara. Namun pada masa yang sama, saya mesti mengakui bahawa dalam dua pertemuan saya dan hasil perbincangan dengan rakan-rakan dalam ASEAN, para pemimpin, termasuk Pemangku Presiden, Jeneral Min Aung

Hlaing, telah menunjukkan kerjasama dalam berinteraksi dengan kami.

"Selepas kejadian gempa bumi itu, ketika saya bertemu beliau di Bangkok, saya menyatakan bahawa ASEAN komited untuk memberikan segala bentuk bantuan kemanusiaan yang diperlukan dengan dua syarat. Pertama, gencatan senjata segera — hentikan pengeboman dan kedua, bantuan kemanusiaan termasuk hospital medan kami di kawasan tentera di Myanmar mesti diberi akses penuh kepada semua pihak tanpa mengira kaum minoriti atau fahaman politik.

"Saya perlu memuji bahawa Jeneral Kanan Min Aung Hlaing bersetuju dengan perkara ini dan sepanjang setahun lalu kita dapat melihat sedikit kemajuan, walaupun masih ada aduan mengenai beberapa insiden tembakan, namun jelas tidak pada tahap yang kita pernah saksikan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, Kuala Lumpur turut menjadi tuan rumah kepada wakil daripada 27 kumpulan pembangkang dan parti etnik yang diselaraskan Kementerian Luar sebagai sebahagian daripada usaha menggalakkan dialog inklusif.

Pada masa sama, Perdana Menteri memaklumkan, sidang kemuncak berkenaan akan mengangkat Deklarasi Kuala Lumpur bagi memperingati ulang tahun ke-20 Sidang Kemuncak AES dan kenyataan pemimpin mengenai mempromosi pemeraksanaan serta tindakan awal untuk kesiapsiagaan dan tindak balas bencana.